

Soraya Sufi, 23, seorang Eksekutif Pengiklanan yang boleh dikategorikan sebagai seorang wanita yang cantik, mempunyai daya tarikan tersendiri dan seorang yang begitu bermotivasi ketika menjalankan kerjanya. Namun, sejak kebelakangan ini, Soraya menjadi seorang yang begitu pasif dan setiap kali berhadapan dengan lelaki sama ada rakan sekerja, majikan, pihak atasan, Soraya sering kali merasa tertekan dan takut, walaupun tugasnya memerlukan dia bergaul mesra dengan semua jenis golongan manusia.

Keadaan tersebut mula menjejaskan prestasi kerjanya. Apa yang dipendam selama ini, tidak boleh disimpan lebih lama, sehingga kepada satu tahap, Soraya merasakan persekitarannya mula tidak selamat, sama ada di pejabat mahupun di tempat-tempat sosial. Dalam erti kata lain, Soraya sering kali diganggu dalam bentuk gangguan seksual daripada rakan sekerja, majikan dan orang yang berurusan dengannya.

GANGGUAN SEKSUAL



gai tingkah laku seksual yang boleh dibahagikan kepada lima jenis, iaitu: 1. Gangguan secara lisan kata-kata, komen, gurauan, usikan bunyi dan soalan-soalan yang berbentuk ancaman atau cadangan berbentuk seksual.

3 *Gangguan secara isyarat/ bukan lisan.*

Pandangan atau jelingan yang membayangkan sesuatu niat atau keinginan, menjilat bibir atau memegang atau memakan makan dengan cara menggoda, isyarat tangan atau bahasa isyarat yang membayangkan perlakuan seks yang boleh mengganggu keadaan mangsa.

4 *Gangguan visual*

Dengan kecanggihan gajet sekarang ini, pelaku akan menggunakan gajet tersebut untuk menunjukkan bahan-bahan lucu, dan menghantar SMS seksual, dan ada yang lebih berani akan mendedahkan bahagian bahan yang sulit yang tidak sepatutnya didedah.

5 *Gangguan psikologi*

Mereka akan cuba mengulangi jempunan seperti keluar makan dan sebagainya yang telah ditolak, malah ada yang lebih parah mereka akan berterusan memujuk hingga mengganggu emosi mangsa. 5. Gangguan fizikal Sentuhan yang tidak diinginkan sama ada bersalam, mengusap dan menggesel badan kepada mangsa sebelum melakukan tindakan yang lebih berani.

Pernahkah anda, ahli keluarga, atau rakan anda mengalami situasi yang sama dengan apa yang berlaku kepada Soraya? Jika YA, anda sebenarnya tergolong dalam golongan mangsa Gangguan Seksual. Namun ramai di antara kita yang hanya berdiam diri dan tidak mahu memanjangkan perkara tersebut. Jika dibiarkan berterusan, orang yang melakukannya akan berasa tindakan mereka itu tidak salah, dan kejadian tersebut (Gangguan Seksual) akan terus dan terus berlaku.

Mangsa tidak boleh mendiamkan diri dan membenarkan serta memberi tindak balas terhadap kelakuan jenayah tersebut sebaliknya cepat bertindak melaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab.

Makna Gangguan Seksual

Sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak diinginkan dan memberi kesan sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal dan atas sebab yang logik, boleh dianggap sebagai mengenakan syarat berbentuk seksual ke atas pekerjaannya atau boleh dianggap sebagai satu pencabulan maruah, penghinaan atau ancaman terhadap dirinya tetapi tiada hubungan terus dengan pekerjaannya.

Kategori Gangguan Seksual

1 *Gangguan seksual berbentuk ugutan.*

Gangguan ini memberi kesan secara langsung kepada status pekerjaan seseorang. Sebagai contoh, seorang pegawai atasan yang mempunyai kuasa menentukan gaji dan pangkat, cuba mengugut pekerja bawahan memberi layanan seksual kepadanya. Jika pekerja bawahan tersebut tunduk kepada kehendak seksual pegawai atasan tersebut, faedah yang berkaitan dengan pekerjaan akan diperoleh. Sebaliknya pula jika pekerja bawahan berkenaan menolaknya, dia (mangsa) mungkin akan kehilangan pekerjaannya.



2 *Gangguan seksual berbentuk ancaman ketenteraman peribadi.*

Gangguan ini bermaksud tingkah laku seksual yang dianggap mangsa sebagai ancaman, ugutan atau penghinaan, tetapi tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan pekerjaan. Walau bagaimanapun tingkah laku itu menimbulkan suasana kerja tidak tenteram kepada mangsa yang terpaksa dialaminya untuk terus bekerja. Gangguan seksual di antara rakan sekerja adalah termasuk di bawah kategori ini.

Bentuk-bentuk Gangguan Seksual Gangguan seksual merangkumi pelba-

Siapa mungkin melakukan jenayah ini?

- Pegawai atasan terhadap kakitangan bawahan dan sebaliknya
- Antara rakan sekerja
- Majikan terhadap pekerja
- Pekerja terhadap pelanggan dan sebaliknya.
- Guru terhadap pelajar dan sebaliknya




Undang-undang dan peraturan sedia ada:

- Kanun jenayah di bawah Seksyen 354, Seksyen 357, Seksyen 509 dan Seksyen 498
- Perlindungan wanita dan kanak-kanak
- Peraturan-peraturan disiplin
- Hukuman yang termaktub dalam setiap organisasi.

Jika anda salah seorang mangsa yang pernah atau sedang berada dalam situasi berbentuk gangguan seksual, anda sepatutnya membuat laporan polis. Bagaimanapun, ramai di antara mangsa yang tidak mahu membuat laporan polis.

Antara faktor tidak dilaporkan



MANGSA TIDAK BOLEH...

MENDIAMKAN DIRI DAN MEMBENARKAN SERTA MEMBERI TINDAK BALAS TERHADAP KELAKUAN JENAYAH TERSEBUT SEBALIKNYA CEPAT BERTINDAK MELAPORKAN KEPADA PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB.

Pengakuan 1

Jenny (bukan nama sebenar), 25

Jenny sudah 2 tahun bekerja di salah sebuah syarikat swasta di Kepong. Pada mulanya dia sangat gembira bekerja sementelah itu merupakan pekerjaan pertamanya setelah tamat belajar.

Namun, setelah memasuki tahun pertama bekerja, Jenny berasa pelik apabila ramai rakan sekerja yang mula meninggalkan syarikat itu termasuk rakan baiknya.

Semenjak itu Jenny mula mencari punca peletakan jawatan rakannya sehinggalah suatu hari, beliau dipanggil ketuanya selepas waktu pejabat.

Sebagai seorang Eksekutif, memang sudah menjadi kebiasaan baginya apabila ketuanya memanggil untuk membincangkan beberapa isu berhubung kerja.

Katanya, ketika itu hanya dia dan ketuanya sahaja berada dalam bilik berkenaan sebelum didatangi ketuanya daripada belakang. Jenny yang tidak mengetahui apa-apa hanya menganggap itu perkara biasa, namun apabila ketuanya mula memegang bahunya, Jenny berasakan ada sesuatu

Pengakuan 2

Kisah yang sama juga berlaku kepada seorang kerani sebuah syarikat perakaunan di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur, Lisa Harlini, 35 pada awalnya hanya menganggap ajakan raka sekerjanya, Zafwan (bukan nama sebenar) untuk keluar makan tengah hari bersama rupanya mempunyai maksud lain.

Katanya, setiap kali keluar bersama, Zafwan akan bercerita tentang kehidupan peribadinya, malah tidak segan silu bercerita tentang sesuatu pada tanggapan Lisa yang agak memalukan.

Namun, sebagai seorang rakan, Lisa hanya mendengar, namun hari demi hari, Zafwan semakin menggatal pada hematnya. Sering menghantar SMS lucu kepadanya, email yang berbaur 18SX hingga membuatkan hubungan mereka renggang.

Namun, setelah setengah tahun memendam perasaan, Lisa akhirnya mengambil keputusan untuk berhenti kerja. Namun sebelum berhenti, Lisa sempat membuat aduan tentang perlakuan Zafwan kepada majikan mereka dan juga memberi bahan bukti tentang perlakuan Zafwan un-

1 Perasaan malu

Kebanyakan mangsa berasa malu jika kelakuan pelaku diketahui umum dan akan memberi kesan kepadanya terutama jika mangsanya seorang wanita.

2 Takut terdedah kepada publisiti

Bimbang jika laporan yang dibuat akan diketahui pihak media yang akan mencarinya untuk mendapatkan berita selanjutnya mengenai kejadian yang berlaku. Malah, jika dilaporkan kepada pihak atasan, mangsa bimbang namanya akan menjadi sebutan dan menjadi buah mulut rakan sekerja. Sebab itu mereka mengambil tindakan untuk mendingkan diri.

3 Implikasi sosial

Mangsa selalunya akan menjadi pendiam dan jarang mahu bergaul dalam perhubungan sosial dan menjadikan seseorang itu lebih banyak menyendiri. Jika dilaporkan, mangsa takut akan kehilangan rakan sosialnya yang mungkin akan beranggapan negatif terhadapnya.

4 Implikasi kewangan

Mangsa mungkin tidak membuat laporan terutama jika pelaku tersebut seorang yang berpengaruh hingga boleh menjejaskan sumber kewangan mangsa seperti pekerja yang menjadi mangsa gangguan seksual majikan sendiri.

5 Tiada prosedur aduan / tidak yakin prosedur sedia ada

Kebanyakan daripada masyarakat tidak tahu akan adanya prosedur tertentu yang boleh diambil seandainya mereka menjadi mangsa gangguan Seksual. Tetapi jika ada yang tahu, mereka seolah-olah tidak yakin dengan prosedur sedia ada hingga akhirnya mereka mengambil keputusan untuk mendingkan diri.

6 Takut akan tindak-balas.

Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja 1999

Kod Amalan Pencegahan dan Penghapusan Gangguan Seksual 1999 merupakan satu-satunya garis panduan khusus yang digunakan bagi tujuan menangani masalah berkaitan gangguan seksual terutama di pejabat.

Tujuan kod amalan ini adalah untuk memberi garis panduan kepada majikan mengenai penubuhan mekanisma dalaman di peringkat organisasi bagi mencegah gangguan seksual di tempat kerja.

Pada masa ini, bagi kesalahannya pesalah hanya dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan peruntukan di dalam kod amalan itu sahaja dan bentuk hukuman yang dikenakan terhadap pesalah masih ringan, bagaimanapun bergantung kepada pertimbangan dan budi bicara majikan sama ada meng-gantung, turun gaji dan pangkat, denda, amaran atau memecat pekerja tersebut dan sebagainya jika didapati bersalah.

Jika Gangguan Seksual tidak dibendung

- Memberi kesan buruk kepada perhubungan perindustrian.
- Kesan buruk kepada moral pekerja.
- Mengurangkan produktiviti.
- Meningkatkan cuti sakit dan ponteng kerja.
- Berhenti kerja/meningkatkan kos untuk mengambil dan melatih pekerja baru
- Mengurangkan wanita bekerja.
- Risiko perbelanjaan tinggi akibat tindakan undang-undang.
- Mewujudkan suasana kerja yang tidak tenteram, mengancam dan tidak selesa.

balanya, Jenny berasakan ada sesuatu yang tidak kena lalu bangun sebelum keluar daripada bilik tersebut.

Pada awalnya Jenny hanya bertindak seperti tiada apa yang berlaku, namun tindakan itu bagai memberi peluang kepada ketuanya untuk bertindak lebih berada daripada itu. Setiap hari ada sahaja email negatif yang diterima daripada ketuanya termasuk email berhubung hubungan sulit ketuanya dengan staf yang lain.

Jenny mula takut, namun memikirkan itu adalah pekerjaan pertamanya dan semuanya bergantung kepada ketuanya, Jenny takut untuk meletak jawatan.

Jenny memendam perasaan itu untuk tempoh yang lama, namun hari demi hari prestasi kerjanya makin merudum dan dia mula bosan dengan tindakan ketuanya yang sering menggangukannya sebelum bertindak membuat aduan kepada pihak atasan sebelum tindakan tatatertib diambil.

Dan akhirnya, Jenny mengetahui rakan sekerja yang berhenti sebelum ini mempunyai sebab yang sama dengannya iaitu sering diganggu ketua mereka. Tetapi mereka tidak berani melaporkan kelakuan buruk ketua mereka sebelum mengambil keputusan berhenti kerja.



banah dusta tentang perlakuan Zafwan untuk tindakan majikannya.

Lisa ketika menceritakan pengalamannya memberitahu, bahawa Zafwan telah dibuang kerja kerana sering mengganggu pekerja wanita dan Lisa bertuah kerana Zafwan hanya menghantar SMS dan email lucu kepadanya tetapi, rakan sekerjanya mendedahkan bahawa dia bukan sahaja diganggu dengan email sebaliknya pernah dipegang dan diraba Zafwan.

Namun, percaya atau tidak, bukan wanita sahaja yang mengalami gangguan seksual, golongan lelaki juga tidak terkecuali. Namun statistiknya tidak banyak berbanding dengan kaum wanita.

Apa yang penting, mangsa tidak perlu takut untuk memberitahu keluarga jika ditimpa masalah seumpama ini. Jangan hadapinya seorang diri.

Malah, mangsa sepatutnya tidak perlu takut untuk membuat laporan kepada ketua tentang kelakuan pelaku agar tindakan susulan boleh diambil.

Dan anda perlu tahu bahawa GANGGUAN SEKSUAL itu SATU JENYAH, oleh itu laporkan kepada yang berkenaan agar mereka tidak terus berleluasa.